



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

PROGRAM PEMBAHARUAN FISKAL

Program pembaharuan fiskal sedang dalam pelaksanaan. Pengurangan hasil daripada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang berkadar sifar mulai 1 Jun 2018 akan ditampung oleh langkah khusus hasil dan perbelanjaan yang akan diumumkan dalam tempoh terdekat. Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) akan diperkenalkan semula. Pengurangan perbelanjaan akan dimulakan dengan langkah rasionalisasi dan efisiensi serta mengurangkan ketirisan. Selain itu, harga minyak mentah dunia telah meningkat ketara berbanding anggaran Bajet 2018 iaitu USD52 setong. Ini akan menyediakan ruang fiskal dalam tempoh terdekat. Tanggungjawab fiskal, *transparency* dan tadbir urus akan diberi keutamaan dalam pelaksanaan program pembaharuan fiskal.

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

17 Mei 2018

